

**NO SOALAN :17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
(PUTATAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.03.2016**

**Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) berapa ramaikah individu serta syarikat yang belum membayar cukai pendapatan kepada Kerajaan serta jumlah yang terlibat; dan
- b) berapa ramaikah individu serta syarikat yang telah terlebih bayar cukai kepada kerajaan serta terlibat dan apakah tindakan Kerajaan ke atas wang-wang ini.

## **JAWAPAN**

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Kedudukan sehingga 31 Disember 2015 menunjukkan seramai 791,239 orang pembayar cukai pendapatan individu dan 65,545 buah pembayar cukai pendapatan syarikat belum menjelaskan sepenuhnya cukai pendapatan yang terlibat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang berjumlah lebih kurang RM8.2 bilion.
- b. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015, seramai 943,872 orang pembayar cukai pendapatan individu dan 19,309 buah pembayar cukai pendapatan syarikat telah membuat bayaran cukai pendapatan yang terlebih bayar. Amaun cukai terlibat adalah RM11.80 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin dan sentiasa

memastikan dasar pembayaran balik lebihan cukai yang yang telah dijelaskan oleh pembayar cukai kepada LHDN dilaksanakan secara teratur.

Antara langkah yang telah diambil oleh LHDN adalah seperti berikut:

Pertama : Kes bayaran balik untuk tahun taksiran semasa dibuat tanpa memerlukan pembayar cukai individu dan syarikat mengemukakan permohonan. LHDN memproses bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan dengan syarat borang nyata cukai pendapatan yang diterima adalah lengkap dan teratur. Penekanan kepada aktiviti bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan ini adalah selaras dengan pengenalan moto perkhidmatan LHDN untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan juga meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan. Mekanisme bayaran balik adalah LHDN akan meremitkan lebihan bayaran cukai pendapatan ke akaun bank pembayar cukai yang mengemukakan nombor akaun bank mereka.

Kedua : Kaedah lain pembayaran balik lebihan cukai pendapatan adalah dengan cara pengeluaran cek dan pengeluaran draf bank. Disamping itu, LHDN juga membenarkan pembayar cukai yang terlebih bayar cukai pendapatan bagi suatu tahun taksiran semasa

untuk memohon kredit semasa di dalam lejar bayaran cukai digunakan untuk menjelaskan tanggungan cukai (*off-set*) bagi tahun taksiran yang berikutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes pembayar cukai pendapatan individu yang telah terlebih bayar cukai pendapatan, kebanyakannya adalah disebabkan cukai pendapatan yang dibayar oleh pihak majikan mereka melalui potongan cukai bulanan (PCB) adalah melebihi daripada cukai pendapatan sebenar yang kena dibayar. Keadaan ini boleh dielakkan atau diminimakan jika mana-mana pembayar cukai individu yang berkenaan membuat variasi kepada jumlah cukai pendapatan bulanan di bawah sistem PCB. Variasi ini dapat mengambil kira kelayakan potongan cukai atau pelepasan yang layak dituntut oleh pembayar cukai individu selaras dengan sistem taksiran sendiri. Melalui variasi tersebut, potongan cukai pendapatan bulanan di bawah PCB oleh majikan adalah tepat dengan jumlah cukai kena bayar. Langkah ini lebih berkesan kerana dapat mengelakkan keperluan membuat bayaran balik oleh LHDN.

Sekian, terima kasih.